

372 Taska Didaftarkan Serta Merta Melalui Inisiatif Baharu JKM - Najib Bernama
19 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Sebanyak 372 buah Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dikenal pasti oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk pendaftaran serta merta di bawah Fasa 1 melalui inisiatif baharu memudahkan dan mempercepatkan pendaftaran Taska.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata jumlah itu adalah daripada 1,180 permohonan pendaftaran.

"Inisiatif ini diperkenalkan supaya Taska yang telah mematuhi standard minimum JKM berdasarkan aspek perkembangan, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak seperti latihan kepada pengasuh, nisbah pengasuh dengan bilangan kanak-kanak, jadual aktiviti dan penglibatan ibu bapa di bawah Akta Taska 1984, boleh didaftarkan oleh JKM dengan segera," katanya dalam kenyataan di sini, Jumaat.

Najib yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata sebelum ini, pengusaha Taska perlu mendapatkan kelulusan daripada agensi teknikal terlebih dahulu seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat sebelum mereka didaftarkan oleh JKM.

Menurut Najib sehingga Oktober tahun ini, sebanyak 1,395 Taska telah pun berdaftar dengan JKM.

Beliau juga berharap lebih ramai pengusaha Taska tampil untuk mendaftarkan Taska masing-masing.

"Pengusaha-pengusaha Taska boleh menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah yang terdekat untuk urusan pendaftaran atau melayari portal ezi2care.jkm.gov.my," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703431>